
DBKL tawar kadar khas kompaun sehingga 29 Februari ini

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menawarkan kadar khas bagi kompaun kesalahan trafik dan am yang tidak membabitkan warga asing mulai semalam hingga 29 Februari ini

sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2024.

DBKL menerusi hantaran Facebook memaklumkan tawaran itu antaranya membabitkan kompaun kesalahan lalu lintas seper-

ti kesalahan meletak kenderaan dengan kadar khas RM10 untuk motosikal, manakala kereta, kenderaan pelbagai guna (MPV) dan lori kecil RM20, bas dan lori (RM50).

Bagi kesalahan penjaja,

lesen dan lain-lain yang tidak membabitkan warga asing kadar khas ditawarkan adalah sebanyak RM100.

Menurut hantaran itu, kadar khas berkenaan tidak terpakai bagi kesala-

han yang disenarai hitam, kes am di bawah Undang-undang Kecil (UUK) Pengangkutan Bahan (WPKL) 1997 dan UUK Pasar Borong (WPKL) 2002, mengambil bekerja mana-mana warga asing

tanpa permit kerja sah di bawah UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016, mengambil bekerja mana-mana warga asing di bawah UUK Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.